

KESEDIAAN GURU PELATIH TERHADAP PELAKSANAAN PENGAJARAN MIKRO MATA PELAJARAN BAHASA ARAB

Noor Shamshinar binti Zakaria
Nor Azhan bin Norul 'Azmi
Mohd Salihin Hafizi bin Mohd Fauzi
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
shamshinar@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini cuba meninjau sejauhmana guru-guru pelatih Diploma Pendidikan Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor bersedia melaksanakan pengajaran mikro terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Kajian ini melihat kepada objektif kajian iaitumengetahui tahap kesediaan guru pelatih terhadap pelaksanaan pengajaran mikro mata pelajaran bahasa Arab. Sampel kajian ini terdiri daripada 99 orang guru pelatih program Diploma Perguruan Pendidikan Islam yang sedang mengikuti pengajian dalam semester 4 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kaedah kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah pemerhatian terhadap pengajaran mikro yang dilaksanakan oleh guru pelatih di dalam kelas pada semester semasa. Hasil analisis data mendapati bahawa tahap kesediaan guru pelatih terhadap pelaksanaan pengajaran mikro mata pelajaran bahasa Arab adalah masih lemah. Sebagai cadangan, guru pelatih perlu membentuk sikap serta kualiti peribadi mereka di samping meningkatkan tahap profesionalisme perguruan yang tinggi terhadap pelaksanaan pengajaran mikro mata pelajaran bahasa Arab ini.

Kata Kunci: *Kesediaan Guru Pelatih, Pengajaran Mikro, Mata Pelajaran Bahasa Arab*

PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan seorang guru yang sentiasa mengambil kira faktor penggunaan teknik penyampaian pengajaran yang dapat menarik perhatian dan merangsang minat pelajar di dalam bilik darjah. Guru perlu melakukan aktiviti pengajaran yang sebaiknya agar hasil pembelajaran dapat dicapai dengan tepat. Justeru, guru memainkan peranan penting dalam mendidik, memberi maklumat, pengetahuan dan kemahiran kepada murid secara langsung.

Kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran telah dinilai sejak guru memilih bidang perguruan sebagai salah satu bidang pengajian mereka di institusi perguruan. Setiap guru perlu melalui proses pengajaran mikro semasa mengikuti kursus perguruan bagi menilai kemampuan mereka dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Melalui pengajaran mikro, aktiviti pengajaran yang disampaikan oleh guru (guru pelatih) akan dilihat dan dinilai bukan sahaja oleh gurunya tetapi penyelia dan juga rakan sebayanya. Selepas aktiviti pengajaran selesai, perbincangan tentang kekuatan dan kelemahan dilakukan. Dengan ini, guru pelatih dapat memperbaiki segala kelemahan pengajarannya dan memperkukuhkan lagi setiap aspek kekuatan pengajarannya (Ahmad Mohd Salleh, 2008).

LATAR BELAKANG

Pengajaran mikromerupakan teknik pengajaran yang dilakukan dalam masa lima hingga 15 minit untuk mengajar sesuatu kemahiran bagi sekumpulan guru pelatih. Jumlah guru pelatih biasanya antara 10 hingga 15 orang. Ia bertujuan membina kemahiran guru berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Pengajaran mikro memperlihatkan bagaimana seseorang pelatih dapat menyampaikan satu-satu kemahiran yang telah dipelajari dan dikuasainya secara praktik. Ia melibatkan teknik-teknik penggunaan set induksi, penyoalan, variasi rangsangan, penerangan dengan contoh-contoh, ilustrasi atau alat bantu mengajar (ABM), penggunaan papan putih, pengukuhan dan penutup. Pengajaran secara mikro ini dapat memberi peluang kepada pelatih mempraktikkan teori pengajaran dalam situasi yang terkawal (Ahmad Mohd Salleh, 2008).

Pengajaran mikro adalah satu-satunya latihan yang paling berkesan untuk membantu pelatih menguasai kemahiran-kemahiran mengajar. Ia menitikberatkan cara-cara bagaimana pelatih diberi pengalaman dan kemahiran yang hampir sama dalam situasi-situasi yang sebenarnya. Situasi-situasi ini dapat memberikan lebih banyak peluang kepada guru-guru pelatih untuk mengawal, memeriksa dan mendapatkan maklum balas tentang pengajarannya.

Justeru, guru pelatih yang menjalani kursus perguruan perlu melaksanakan pengajaran mikro ini dengan bersungguh-sungguh. Segala kemahiran yang diperolehi perlu dilakukan dengan sempurna supaya segala kelemahan dapat diperbaiki dan segala kekuatan dapat diperteguhkan lagi. Ini amat berguna kepada pelatih sebelum mereka memulakan tugas pengajaran yang sebenarnya sama ada semasa latihan mengajar atau selepasnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Mengenalpasti tahap kesediaan guru pelatih terhadap pelaksanaan pengajaran mikro mata pelajaran bahasa Arab.

METODOLOGI KAJIAN


Kaedah kajian ini menggunakan prosedur analisis data berdasarkan pemerhatian dan catatan daripada hasil pelaksanaan pengajaran mikro guru pelatih. Seterusnya dinilai frekuensi dan peratusan setiap tema yang diperolehi mengikut kumpulan. Nilai 1-0 diberi untuk menilai kesediaan guru pelatih dalam pengajaran mikro dengan 1 untuk (bersedia) dan 0 (tidak bersedia) untuk menentukan tahap kesediaan guru pelatih terhadap pelaksanaan pengajaran mikro mata pelajaran bahasa Arab. Sampel kajian ini terdiri daripada 99 orang guru pelatih program Diploma Perguruan Pendidikan Islam yang sedang mengikuti pengajian dalam semester 4 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Dan dibahagikan kepada empat kumpulan (K1: 23 orang, K2:26 orang, K3: 30 orang dan K4:20 orang) sedia ada daripada kursus Kaedah Asas Pengajaran bahasa Arab (PDPI 1022) di Fakulti Pendidikan KUIS.

ANALISIS DAPATAN


Berdasarkan analisis yang dilakukan melalui pemerhatian terhadap pelaksanaan pengajaran mikro, terdapat beberapa kelemahan yang sangat ketara semasa guru pelatih melaksanakan PdPc :

- (a) Kelemahan dalam aspek linguistik bahasa Arab seperti kesilapan tatabahasa dan kelemahan mutu bacaan atau sebutan guru yang tidak menekankan aspek *aswat*, *tanghim* dan *nabar*.
- (b) Kelemahan berkomunikasi dalam bahasa Arab seperti penyampaian guru yang kurang berkesan, kurang pergerakan atau penggunaan bahasa badan dan tiada daya yang menarik perhatian peserta pendengar.
- (c) Perkaitan antara set induksi dengan tajuk yang diajar tidak jelas,
- (d) Kemahiran menulis yang tidak sesuai seperti tulisan yang terlalu kecil dan kesalahan ejaan perkataan,
- (e) Tiada kemahiran menyoal,
- (f) Penggunaan papan putih yang tidak tersusun,
- (g) Kurang memberi penegasan atau kata-kata pujian dan
- (h) Kemahiran penutup yang tidak meliputi penutup kognitif dan penutup sosial.

Jadual 1: Jumlah Penguasaan Guru Pelatih mengikut Kumpulan (Frekuensi)



Jadual 2: Jumlah Penguasaan Guru Pelatih mengikut Tema (Peratusan)



Secara amnya, tahap kesediaan guru pelatih dalam pelaksanaan pengajaran mikro mata pelajaran bahasa Arab adalah lemah. Walaupun guru pelatih dilatih untuk bersikap profesional sebagai seorang guru, namun masih terdapat guru pelatih yang gagal memenuhi ciri-ciri guru yang baik. Mereka masih lagi tidak merasakan tentang kepentingan pengajaran mikro secara serius dengan tidak mengambil peduli tentang kelemahan yang mereka ada. Mereka tidak cuba berusaha untuk mengatasi kelemahan

tersebut malah mereka memberi pelbagai alasan dengan menyatakan pengajaran bahasa Arab adalah susah.

Guru pelatih perlu berusaha untuk menambah dan meningkatkan lagi ilmu bahasa Arab dari semasa ke semasa. Dalam usaha untuk memantapkan dan menguasai kemahiran mengajar bahasa Arab, guru pelatih perlu meneroka ilmu-ilmu asas bahasa Arab dan mengembangkan kecekapan, merancang dan menjalankan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya. Guru pelatih perlu sedar bahawa pengajaran mikro sangat penting sebelum melaksanakan pengajaran yang sebenar dalam bilik darjah di sekolah.

Menurut Mohd Ali Hasan, Presiden Permuafakatan Ibu Bapa Nasional (MAPIN) dalam Utusan Online (2004), guru-guru sekolah sekarang ini semakin hilang kreativiti dalam menarik minat pelajar. Walaupun zaman sudah berubah, malah teknologi maklumat juga sudah semakin maju, tetapi kita dapat lihat bahawa kebanyakan guru di negara kita masih di takuk lama. Mereka masih lagi bersikap seperti katak di bawah tempurung. Berdasarkan kenyataan ini, guru pelatih yang masih berada di dalam kursus perguruan perlu didorong supaya mengubah sikap dan minda mereka dengan melakukan persediaan-persediaan yang berkaitan dengan tanggungjawab sebagai seorang guru.

Sikap sambil lewa terhadap persediaan pengajaran mikro ini menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih yang tidak mementingkan ilmu dan kemahiran-kemahiran pengajaran yang telah mereka pelajari semasa mengikuti kursus yang mereka ambil. Oleh itu, guru pelatih perlu membentuk sikap serta kualiti peribadi mereka di samping meningkatkan tahap profesionalisme perguruan yang tinggi terhadap pelaksanaan pengajaran mikro mata pelajaran bahasa Arab ini.

ISU PENGAJARAN MIKROMATA PELAJARAN BAHASA ARAB

Berdasarkan kepada hasil analisis terhadap pengajaran mikro mata pelajaran bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih ini menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih terhadap pengajaran mikro masih kurang memuaskan. Justeru, sudah sampai masanya guru pelatih bertindak melakukan perubahan sendiri bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan tepat dan efektif. Kita ingin sekali melihat guru pelatih mempunyai potensi yang tinggi dan mampu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan baik walaupun guru pelatih ini bukan daripada bidang opsyen mereka.

Bagi membincangkan isu pengajaran mikro dalam kalangan guru pelatih seperti dalam dapatan kajian, beberapa pemerhatian pengkaji dibincangkan sepertimana berikut:

1. **Perubahan sendiri:** Sikap tidak mempedulikan kepentingan pengajaran mikro menyebabkan kebanyakan guru pelatih tidak melakukan perancangan dan persediaan yang rapi dan tersusun. Pelbagai isu timbul akibat sikap sambil lewa yang ditunjukkan oleh guru pelatih seperti malas berfikir, tidak mempraktikkan kemahiran mengajar secara berulang kali bagi memastikan ketepatan idea, aktiviti dan kaedah yang sesuai, kesilapan tatabahasa dan istilah serta pengajaran yang kurang menarik. Alasan penguasaan yang lemah dalam bahasa Arab perlu diketepikan kerana ia dapat meninggalkan kesan yang tidak baik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.
2. **Kelemahan Linguistik:** kelemahan dalam aspek linguistik merupakan aspek yang amat ketara dalam pemerhatian pengkaji. Fenomena ini berlaku dalam pelbagai sudut antaranya sintaks, morfologi dan fonologi. Kesalahan dalam aspek ini menjadi faktor kegagalan dalam proses PdPc dalam kalangan guru pelatih. Ilmu linguistik adalah syarat utama untuk mahir sesuatu bahasa sasaran. Tanpa ilmu ini, guru pelatih tidak mampu menyampaikan kandungan dan sudah semestinya gagal untuk memberi kefahaman yang mendalam terhadap subjek yang diajar. Dalam isu ini, guru pelatih masih lagi tidak mampu menguasai tatabahasa Arab yang bersifat asas seperti pelajaran mengenai *Mubtada' wa Khabar, Ma'rifah wa Nakirah, Muzakkar wa Muannath* dan lain-lain.
3. **Persediaan Sebelum:** persediaan guru pelatih dalam pemerhatian pengkaji dianggap lemah dengan beberapa aspek yang masih diamalkan. Antara aspek ini termasuklah tidak bersedia dalam menguasai tatabahasa Arab dengan baik. Guru pelatih tidak mampu menyampaikan isi kandungan kepada rakan-rakan lain dengan baik kerana tidak faham subjek yang diajar. Walaupun aspek tatabahasa adalah alemen yang utama dalam menguasai bahasa Arab, akan tetapi aspek ini tidak langsung diberi penekanan oleh guru pelatih. Ini mungkin kerana tanggapan mereka bahawa subjek major mereka adalah Pendidikan Islam dan mereka tidak perlu menguasai bahasa ini. Kelemahan komunikasi juga jelas kelihatan dalam penyampaian pengajaran mikro guru pelatih seperti tiada kontak mata, bahasa badan, mimik muka dan suara yang jelas.
4. **Perancangan proses PdPc:** ada beberapa kelemahan yang nyata dilakukan oleh guru pelatih sebagai tidak mempunyai perancangan untuk PdPc. Antaranya adalah kurang kreativiti dalam menentukan corak aktiviti dalam bilik darjah. Walaupun berada dalam era teknologi maklumat, tetapi guru masih mengamalkan cara penyampaian tradisional seperti kebergantungan sepenuhnya

kepada buku teks dan papan putih. Walaupun tidak banyak kelemahan timbul dalam penyediaan RPH, tetapi aktiviti yang dibuat masih tidak seiring dengan dunia pelajar zaman sekarang yang lebih berminat kepada gadget dan teknologi multimedia.

5. **Kosa Kata dan Kemahiran-kemahiran Bahasa Arab:** Tahap penguasaan yang rendah terhadap kosa kata Arab serta kemahiran-kemahiran bahasa merupakan halangan kepada guru pelatih dalam penulisan RPH bahasa Arab. Gejala ini kerap kali berlaku dalam kalangan guru pelatih di Malaysia kerana kurang kesedaran untuk mendalami bahasa Arab dan mempraktikkan bahasa ini demi kelangsungannya dalam diri guru. Kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis tidak digarap dengan lanjut apabila memasuki pengajian peringkat IPT. Isu paling ketara adalah pada kemahiran bertutur apabila guru pelatih tidak mampu bertutur dengan fasih dalam bahasa Arab. Mereka juga enggan untuk menambah dan memperoleh kosa kata melalui bacaan yang berterusan dan mendalami kosa kata baharu yang ditemui dalam setiap teks yang dipelajari.
6. **Penyediaan Alat bantu Mengajar yang Sesuai:** Penyediaan Alat Bantu Mengajar yang jelas, menarik dan sesuai adalah kunci kepada keberkesanan pengajaran guru. Akan tetapi, isu dalam penggunaan BBM dalam kalangan guru pelatih dalam pemerhatian pengkaji masih lagi pada tahap membimbangkan. Ia didapati dalam kelemahan guru pelatih mencipta kepelbagaian dalam setiap aktiviti bilik darjah, bahan dan corak yang sama dicipta untuk semua bab mata pelajaran, tiada elemen multimedia, penggunaan kad dan kertas yang maksima dan lain-lain lagi. Masalah ini terus berlaku apabila guru pelatih beranggapan pengajaran mikro hanya latihan semata-mata dan akan mempergiatkan penggunaan BBM pada masa pengajaran yang sebenar.
7. **Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT):** Kemahiran berfikir aras tinggi merupakan satu elemen utama dan sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia membolehkan pelajar mendapat latihan berfikir secara kritis dan kreatif serta dapat menghasilkan suatu inovasi yang membantu mereka membuat keputusan mahupun menyelesaikan sesuatu masalah dengan bijak. Mereka juga akan lebih terkehadapan dan bersikap terbuka dalam menerima dan memberi pendapat, membina keyakinan diri untuk memberi hujah, membuat pertimbangan berdasarkan alasan dan bukti serta berani memberi pandangan dan kritikan yang bernas terhadap sesuatu isu yang dikeluarkan (Mohd Izzuddin, Mohd Faez et. al, 2016). Namun, sikap guru pelatih yang tidak mementingkan kemahiran ini semasa sesi PdPc mereka memberi peluang kepada kemerosotan pelajar dalam berfikir. Antara fenomena ini seperti teknik penyoalan yang lemah, aktiviti yang tidak merangsang kepada berfikir dan menggunakan teknik pengajaran berpusatkan guru.

CADANGAN DAN RUMUSAN

- 1. PerubahanKendiri:** Bagi mencapai hasil pengajaran mikro mata pelajaran bahasa Arab yang baik, guru pelatih perlu memaksimumkan pengetahuan mereka mengenai kemahiran bahasa dan menjadikannya sebagai faktor utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Amalannya pula perlu diperkasakan sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan. Guru pelatih perlu memandang berat tentang kepentingan pengajaran mikro ketika mereka menjalani latihan dan kursus di dalam bidang perguruan lagi. Mereka perlu mempunyai intensif diri seperti mencari peluang dan menceburkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan kompetensi diri dalam pengajaran mikro bahasa Arab.
- 2. Kelemahan Linguistik:**persediaan yang tepat adalah dengan memastikan guru pelatih diberi ruang masa yang mencukupi untuk mendalami ilmu linguistik. Antara cara mengatasi isu kelemahan guru pelatih dalam aspek linguistik adalah dengan menyediakan jam kredit yang mencukupi untuk kursus Bahasa Arab di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Setiap anggota di peringkat IPT dan pengamal pendidikan Pendidikan Islam perlu peka akan hal ini, kerana Pendidikan Islam tidak boleh dipisahkan dengan keupayaan guru pelatih menguasai bahasa Arab. Selain dari kursus wajib, guru pelatih juga perlu dibekalkan dengan latihan lain seperti kem bahasa Arab, kursus jangka pendek dan program bahasa intensif untuk pemulihan terhadap kelemahan menguasai tatabahasa mudah tersebut.
- 3. Persediaan Sebelum:** Guru pelatih perlu mempunyai persediaan yang rapi terhadap pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Mereka perlu mempersiapkan diri dengan ilmu asas bahasa Arab yang kukuh dengan cara mengulangkaji terlebih dahulu perkara-perkara yang berkaitan dengan ungkapan dan pembinaan ayat, bertanya dan berbincang dengan pensyarah dan melakukan semakan terhadap ayat-ayat ungkapan yang dibina berulang kali. Selain itu, ilmu komunikasi berkesan juga perlu digarap supaya isu komunikasi tidak berkesan dalam kalangan guru pelatih tidak berlaku. Tidak dinafikan sekiranya guru pelatih tidak melakukan persediaan-persediaan tersebut, sudah pasti mereka akan menghasilkan banyak kesilapan dari aspek persediaan bahasa dan komunikasi. Sepatutnya guru pelatih berperanan melakukan persediaan agar pengajaran bahasa Arab menjadi lebih baik sekaligus mewujudkan perasaan seronok dan suka terhadap hasil pengajaran mereka.
- 4. Perancangan Proses PdPc:** Dari aspek perancangan pula, guru pelatih hendaklah serius memikirkan perancangan yang rapi dan tersusun supaya dapat membantu guru melaksanakan proses PdP dengan lebih seronok dan berkesan. Guru perlu mencabar diri mereka untuk melakukan sesuatu aktiviti yang luar biasa atau yang memberi kepuasan kepada diri. Maslow (1970) telah menyatakan realisasi-diri

atau hasrat ingin menjadi diri yang kita idam-idamkan adalah sumber kepuasan yang paling tinggi. Setiap orang boleh menikmati kepuasan itu kerana kita cuma perlu mencapai apa yang kita sendiri mahu. Jadi, realisasi-diri ialah usaha mencapai apa yang terbaik yang mampu kita capai. Di sinilah pentingnya guru pelatih meningkatkan potensi diri dan intelektual diri seperti melihat contoh-contoh pengajaran bahasa Arab di *Youtube* dan sebagainya di samping membaca bahan-bahan ilmiah atau mengetahui hal-hal berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang terkini. Dengan cara ini akan dapat meningkatkan lagi kompetensi guru pelatih terutama dalam melakukan perancangan pengajaran yang efektif.

5. **Kosa Kata dan Kemahiran Bahasa:** Hal ini dapat diatasi sekiranya guru pelatih mempunyai minat dan iltizam yang tinggi untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Kosa kata merupakan aset penting dalam kemahiran bahasa asing seperti bahasa Arab. Kemahiran menulis dalam bahasa Arab bergantung kepada penguasaan kosa kata yang baik. Mengikut Rosni Samah (2009), pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pada hari ini kurang berjaya disebabkan guru kurang menguasai kosa kata. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan baik, penguasaan kosa kata hendaklah diutamakan.
6. **Penggunaan Alat Bantu Mengajar:** Melalui ABM yang sempurna dan sesuai dapat membantu guru serta memudahkan guru kerana segala pengajaran dan aktiviti dapat disempurnakan dengan baik dan teratur. Ia juga membolehkan guru memotivasikan murid dalam proses pembelajaran sekaligus menarik minat mereka terhadap penyampaian guru. Maka tanggungjawab seorang guru adalah menyediakan ABM yang terbaik dan terancang. Atan Long (1981) membahagikan BBM kepada tiga kumpulan, iaitu alat pendengaran, alat pandangan dan alat pandang dengar. Noraziah Abdul Hamid (1981) menggolongkan alat itu kepada dua kumpulan, iaitu media elektronik dan media bukan elektronik. Bagi kamaruddin Hj Hussin (1987) pula, BB mini terbahagi kepada tiga peringkat :
 - i. Bahan-bahan yang menggunakan media elektronik seperti filem pelajaran, filem jalur, slaid, pita, video, pita rakaman dan lain-lain.
 - ii. Bahan-bahan yang tidak menggunakan media elektronik seperti suara, gambar, carta, model, bahan maujud, surat khabar, kad imbasan dan lain-lain.
 - iii. Bahan-bahan yang bercorak pengalaman seperti lakonan, pantomin, lawatan, projek pameran dan bahan-bahan dari alam sekitar.
7. **Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT):** Oleh itu, bagi mencapai hasrat tersebut, guru pelatih perlu bersedia serta memainkan peranan khususnya melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran serta amalan-amalan baru pengajaran dan pembelajaran yang relevan dengan perkembangan dan keperluan abad ke-21. Kemahiran berfikir guru dan murid terutama dalam konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan perkara keperluan atau

keutamaan dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan seperti yang digariskan dalam PPPM 2013-2025.

KESIMPULAN

Bagi menjamin kualiti pengajaran mikro bahasa Arab, guru pelatih perlu mempunyai persediaan dan perancangan yang rapi dan tersusun termasuklah persediaan minda terhadap pengajaran bahasa Arab. Guru pelatih digalakkan menguasai kompetensi dalam beberapa aspek seperti ilmu asas sebagai seorang guru, ilmu asas tatabahasa Arab yang mantap, menguasai keseluruhan kandungan mata pelajaran bahasa Arab, melaksanakan kaedah pengajaran yang berkesan dan efektif di mana sesuai dengan keperluan pendidikan masa kini serta menerapkan nilai-nilai murni dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pelaksanaan pengajarannya. Guru pelatih juga perlu menunjukkan kesediaan terhadap cabaran-cabaran dalam proses PdPc di samping keupayaan untuk meningkatkan kesan berterusan di dalam proses pembelajaran dan perkembangan pelajar dengan membina dan mengekalkan kesudahan positif di dalam pencapaian akademik mereka. Penguasaan ilmu pengajaran mikro banyak manfaatnya terutama dalam membantu para guru pelatih melaksanakan PdPc dengan penguasaan bahasa, daya kreativiti tinggi dan kemahiran berfikir di samping membantu guru melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

- Ahmad Mohd Salleh. (2008). Pengajian Agama Islam & j-QAF Metodologi dan Pedagogi Pendidikan. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohd Izzuddin, Mohd Faez.et.al. (2016). Dinamika guru. Kajang : KUIS
- Kamaruddin Hj Husin. (1997). Pedagogi bahasa (perkaedahan). Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Rosni Samah (2009), Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, Nilai : USIM.
- Sani Ibrahim. Ahmad Zabidi.et.al. (2015). Strategi implementasi pelan pembangunan pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sini Mahmud Ismail (1980). Wasa'il Tadrib Mu'allimi al-Lughah al-Arabiyyah wa Tatwiriha, dlm Mahmud Ismail Sini dan Ali Muhammad al-Qasimi (Pnyt), al-Sijill al-'ilm li al-nadwah al- 'alamiyyah al-'ula li al-'arabiyyah li ghayr al-natiqinabiha, h.7-27. Riyadh, Saudi Arabia: Matabi' Jami'ah al-Riyadh.